

18 JAN 2002

Mahathir-Solat (Bergambar)

PERDANA MENTERI SOLAT JUMAAT DI MASJID LUBUK KAWAH

JITRA, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyertai hampir 2,000 orang jemaah menunai solat Jumaat di Masjid Lubuk Kawah di sini.

Beliau tiba di masjid itu pada pukul 1.00 tengah hari.

Solat itu diimamkan oleh kadi daerah Kubang Pasu, Sheikh Osman Ibrahim yang turut membacakan khutbah.

Selepas solat, Dr Mahathir bersalaman dengan para jemaah.

Turut menunaikan solat di masjid itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, bekas menteri besar Tan Sri Osman Aroff dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini pagi tadi untuk lawatan sehari.

Pagi tadi, Dr Mahathir bertemu para pegawai kerajaan daerah dan menghadiri majlis jamuan Hari Raya di Institut Perguruan Darul Aman.

Petang ini, beliau akan menghadiri majlis sambutan Hari Raya bersama pemimpin-pemimpin Umno Kedah di Bangunan Tunku, Alor Setar.

Dr Siti Hasmah pula akan melancarkan laman web dan portal pendidikan "Back To School" Pusat Pendidikan Komputer parlimen Kubang Pasu di sini.

-- BERNAMA

MNH MOZ